

KERATAN AKHBAR

JUDUL : Harian Metro

TARIKH : Selasa, 20 Oktober 2015

M/S : 34

SELASA **Harian Metro**
20 OKTOBER 2015

Kuala Lumpur

Tak hirau kepentingan bahasa Melayu

Penggunaan Bahasa Melayu di kalangan rakyat Malaysia diibaratkan "melukut di tepi gantang", iaitu sesuatu yang tidak dihargai sangat oleh kerana masyarakat kini tidak lagi menghiraukan kepentingan menguasai bahasa itu dengan baik, kata pakar bahasa.

Felo Utama di Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia Prof Datuk Dr Teo Kok Seong berkata, masyarakat kini sering memperkecilkan kedudukan, nilai dan fungsi Bahasa Melayu malah lebih mengangkat bahasa luar yang dianggap mengikut arus pemodenan.

"Walaupun bahasa ibunda ini adalah bahasa rasmi negara tetapi masyarakat Melayu khususnya seolah-olah telah hilang rasa hormat kepada Bahasa Melayu dengan memperlekehkan bahasa ini seperti penggunaan laras bahasa yang tidak betul," katanya ketika menjawab soalan peserta program Bicara Bahasa: Ungkai Keindahan Bahasa Dari Buku Nadir dan Manuskrip Melayu, di sini, semalam.